Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

ANALISIS FRASA KERJA DIALEK KELANTAN MENGGUNAKAN KERANGKA PROGRAM MINIMALIS

AHMAD ALI HAMDI MOHAMAD
Universiti Kebangsaan Malaysia
ahmadalihamdi02@gmail.com

*FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN**
Universiti Kebangsaan Malaysia
fazal@ukm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Dialek Kelantan (DK) merupakan variasi bahasa Melayu yang memperlihatkan ciri sintaksis tersendiri, termasuk dalam pembentukan frasa kerja. Kajian terdahulu telah menerapkan Program Minimalis terhadap beberapa dialek Melayu dan aspek tertentu DK, namun penelitian yang menghuraikan secara bersepadu frasa kerja transitif, tak transitif tak ergatif, tak transitif tak akusatif dan dwitransitif dalam DK masih terhad. Kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti dan menghuraikan jenis frasa kerja yang terdapat dalam DK dan (ii) menganalisis struktur sintaksis frasa kerja tersebut berdasarkan kerangka Program Minimalis. Kajian kualitatif berbentuk kajian lapangan dijalankan di Kampung Atas Pinggir, Pasir Mas, Kelantan dengan melibatkan lima orang informan penutur natif DK berumur 65 hingga 86 tahun. Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dan rangsangan gambar perbuatan, kemudian ditranskripsikan, dikategorikan berdasarkan struktur argumen dan dianalisis secara deskriptif serta teoretikal. Dapatan menunjukkan bahawa data transitif dan dwitransitif mengekalkan susunan asas Subjek–Kata Kerja–Objek, manakala kata kerja tak ergatif dan tak akusatif memperlihatkan perbezaan pada kedudukan asal argumennya. Data turut menunjukkan pengguguran awalan meN- pada beberapa kata kerja transitif. Bentuk gi keda pula lebih tepat dianalisis sebagai kata kerja gerak tak transitif dengan komplemen arah/lokatif tanpa preposisi ke yang direalisasikan secara nyata, bukan sebagai struktur transitif. Analisis Program Minimalis menunjukkan bahawa perbezaan antara keempat-empat kategori frasa kerja dapat dihuraikan melalui struktur argumen, peranan teta, operasi Gabung (Merge), Keserasian (Agree) dan pergerakan unsur sintaksis. Kajian ini menyumbang kepada dokumentasi sintaksis DK serta memperluas penerapan analisis formal terhadap variasi dialek Melayu.

Kata kunci: dialek; dwitransitif; frasa kerja; Program Minimalis; tak akusatif

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

ABSTRACT

The Kelantan dialect (DK) is a variety of Malay with distinctive syntactic properties, including in verb phrase formation. Previous studies have applied the Minimalist Program to several Malay dialects and to selected aspects of DK, but an integrated account of transitive, unergative intransitive, unaccusative intransitive and ditransitive verb phrases in DK remains limited. This study aims to (i) identify and describe the types of verb phrases found in DK and (ii) analyse their syntactic structures within the Minimalist Program. A qualitative field study was conducted in Kampung Atas Pinggir, Pasir Mas, Kelantan, involving five native DK speakers aged between 65 and 86. Data were collected through semi-structured interviews and action-picture prompts, transcribed, classified according to argument structure, and analysed descriptively and theoretically. The findings show that the transitive and ditransitive data maintain the basic Subject–Verb–Object order, whereas unergative and unaccusative predicates differ in the base position of their arguments. The data also show the omission of the meN- prefix on several transitive verbs. The expression gi keda is more appropriately analysed as an intransitive motion verb with a directional/locative complement in which the preposition ke is not overtly realised, rather than as a transitive construction. The Minimalist analysis shows that the four verb-phrase types can be distinguished through argument structure, theta roles, Merge, Agree and syntactic movement. The study contributes to the syntactic documentation of DK and extends the application of formal analysis to Malay dialect variation.

Keywords: dialect; ditransitive; Minimalist Program; unaccusative; unergative

PENGENALAN

Sebagai salah satu variasi bahasa Melayu, Dialek Kelantan (DK) mempunyai keunikan tersendiri pada aras fonologi, leksikal, morfologi dan sintaksis. Azrizan Abu Bakar dan Karim Harun (2019) menunjukkan bahawa DK memiliki sejumlah bentuk leksikal yang khusus, manakala Abdul Hamid Mahmood (1994) menghuraikan ciri sintaksis DK secara lebih luas. Liputan penggunaan DK bukan sahaja melibatkan negeri Kelantan, malah turut merangkumi kawasan sempadan yang berdekatan dengan Terengganu, Pahang, Perak dan wilayah selatan Thailand. Variasi tersebut memperlihatkan bahawa DK wajar diteliti bukan sekadar dari sudut perbezaan kosa kata dan bunyi, tetapi juga dari segi struktur frasa dan hubungan antara predikat dengan argumennya.

Dalam sintaksis bahasa Melayu, frasa kerja merupakan komponen utama predikat dan berkait rapat dengan sifat transitiviti, bilangan argumen serta fungsi sintaksis unsur yang mengikutinya. Tatabahasa Dewan membezakan kata kerja transitif yang mengambil objek daripada kata kerja tak transitif yang tidak mengambil objek langsung (Nik Safiah Karim et al., 2008). Dalam kerangka generatif, perbezaan tersebut dapat diperincikan melalui struktur argumen, peranan teta dan kedudukan sintaksis argumen. Program Minimalis yang diperkenalkan oleh Chomsky (1995), misalnya, menyediakan mekanisme formal melalui operasi Gabung (Merge), Keserasian (Agree), penyemakan fitur dan pergerakan unsur sintaksis untuk menghuraikan bagaimana struktur ayat dibentuk.

Penerapan Program Minimalis terhadap dialek Melayu telah berkembang melalui kajian tentang Dialek Perlis, Dialek Negeri Sembilan, Dialek Melayu Terengganu dan beberapa bahasa atau dialek lain di Malaysia (Nurul Aini Abd Rahman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2018; Syafika Atika Othman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2019; Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiqah Mohamad, 2021). Dalam konteks DK sendiri, Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Sarah Nur Najwa Mohd Nasir (2020) telah meneliti kata kerja bantu. Oleh itu, tidak tepat untuk menyatakan bahawa kajian frasa kerja DK tidak pernah dilakukan. Jurang yang lebih khusus ialah masih terhadnya penelitian yang menggabungkan empat kategori utama, iaitu frasa kerja transitif, tak transitif tak ergatif, tak transitif tak akusatif dan dwitransitif, dalam satu analisis Program Minimalis berdasarkan data primer penutur DK.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini menetapkan dua objektif berikut:

i. mengenal pasti dan menghuraikan jenis frasa kerja yang terdapat dalam Dialek Kelantan; dan
ii. menganalisis struktur sintaksis frasa kerja Dialek Kelantan berdasarkan kerangka Program Minimalis.

Sejajar dengan objektif tersebut, kajian ini menjawab dua persoalan kajian:

i. apakah jenis dan ciri struktur argumen frasa kerja yang terdapat dalam Dialek Kelantan?
ii. bagaimanakah struktur frasa kerja Dialek Kelantan dapat dihuraikan melalui operasi dan prinsip dalam Program Minimalis?

SOROTAN LITERATUR

Kajian terdahulu yang menggunakan Program Minimalis terhadap dialek Melayu memperlihatkan satu persamaan utama, iaitu usaha menjelaskan variasi struktur permukaan melalui mekanisme sintaksis yang sama seperti Gabung, penyemakan fitur dan pergerakan. Nurul Aini Abd Rahman dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2018) meneliti kata kerja dalam Dialek Perlis, manakala Syafika Atika Othman dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2019) menumpukan frasa kerja Dialek Negeri Sembilan. Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Sarah Nur Najwa Mohd Nasir (2020) pula memfokuskan kata kerja bantu dalam DK. Ketiga-tiga kajian ini penting kerana menunjukkan bahawa dialek Melayu masih mengekalkan prinsip struktur yang boleh dihuraikan secara formal, tetapi fokusnya berbeza dari segi kategori kata kerja, dialek dan fenomena sintaksis yang dianalisis.

Perkembangan yang lebih baharu memperluas penerapan Program Minimalis kepada kata kerja bantu Dialek Melayu Terengganu, frasa kerja bahasa Bajau, kata kerja bahasa Jakun, susunan perkataan bahasa Iban serta perbezaan kata kerja tak ergatif dan tak akusatif dalam Dialek Perak Tengah (Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurul Afiqah Mohamad, 2021; Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Amanina Sahira Saidi, 2021; Doratya Gerry et al., 2024; Nurul Hana Mohamad Ali & Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2024; Nurul Ain Alizuddin et al., 2025). Secara bersama, kajian-kajian tersebut memperlihatkan kekuatan Program Minimalis dalam memetakan hubungan antara predikat, argumen dan fitur sintaksis. Namun, kebanyakannya menumpukan fenomena tertentu atau satu kategori

struktur, dan bukannya membandingkan beberapa jenis struktur argumen dalam satu variasi dialek yang sama.

Dari sudut teori, perbezaan antara kata kerja transitif, tak ergatif, tak akusatif dan dwitransitif penting kerana keempat-empatnya menuntut konfigurasi argumen yang berbeza. Kata kerja transitif melibatkan argumen luaran dan argumen dalaman; kata kerja tak ergatif lazimnya memperkenalkan argumen luaran tanpa objek dalaman; kata kerja tak akusatif pula tidak memperkenalkan argumen luaran dan argumen temanya berasal pada posisi dalaman sebelum bergerak ke posisi subjek; manakala kata kerja dwitransitif melibatkan satu argumen luaran serta dua argumen dalaman. Perbezaan ini menyediakan medan ujian yang lebih tajam terhadap cara Program Minimalis menghubungkan struktur leksikal dengan representasi sintaksis (Adger, 2003; Levin & Rappaport Hovav, 1995).

Kajian pada peringkat antarabangsa juga menunjukkan bahawa Program Minimalis terus digunakan untuk meneliti bahasa dengan sifat tipologi yang berbeza. Freidin (2021) menekankan kedudukan Merge sebagai operasi asas pembentukan struktur, manakala Varaschin dan Culicover (2024) membincangkan kemungkinan representasi yang lebih ekonomik. Analisis terhadap bahasa Igbo, Pashto dan Arab Maghribi pula memperlihatkan bahawa kerangka ini digunakan untuk menghuraikan kata kerja bersiri, kata kerja ringan dan struktur tak akusatif (Nweya & Ejinwa, 2024; Ullah & Bukhari, 2023; El Haddari & Kably, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa nilai teori sesuatu kajian dialek bukan terletak pada dakwaan bahawa prinsip sintaksisnya sepenuhnya unik, tetapi pada sejauh mana data setempat memperincikan cara prinsip umum direalisasikan dalam sistem bahasa tertentu.

Berdasarkan perbandingan tersebut, terdapat tiga ruang yang belum ditangani secara memadai. Pertama, kajian tentang DK lebih banyak memberi perhatian kepada kata kerja bantu berbanding perbandingan struktur argumen empat kategori frasa kerja. Kedua, perbezaan antara objek langsung dengan argumen bukan objek, khususnya komplemen arah atau lokasi, memerlukan analisis yang lebih berhati-hati. Ketiga, perbezaan antara tak ergatif dan tak akusatif perlu dihuraikan bukan hanya berdasarkan makna permukaan, tetapi juga berdasarkan kedudukan asal argumen dalam struktur. Oleh itu, sumbangan khusus kajian ini ialah menggabungkan deskripsi data primer DK dengan analisis perbandingan empat struktur argumen tersebut dalam satu kerangka formal.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian dan Lokasi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian lapangan untuk memperoleh data primer daripada penutur natif. Kajian dijalankan di Kampung Atas Pinggir, Pasir Mas, Kelantan. Lokasi ini dipilih kerana merupakan kawasan penempatan tradisional di daerah Pasir Mas dan penggunaan DK masih menjadi medium pertuturan harian dalam komuniti setempat. Pemilihan lokasi yang terfokus membolehkan kajian memberikan huraian mendalam terhadap data sintaksis daripada satu komuniti tutur yang relatif seragam, walaupun dapatan kajian ini tidak dimaksudkan untuk mewakili semua subdialek Kelantan.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

Pemilihan Informan dan Penyesuaian Kriteria NORMs

Pemilihan informan dipandu oleh konsep NORMs (Non-mobile, Older, Rural, Males) dalam tradisi dialektologi (Chambers & Trudgill, 1990). Walau bagaimanapun, kajian ini menyesuaikan kriteria tersebut dengan tidak mengehadkan pemilihan kepada informan lelaki sahaja. Penyesuaian ini dilakukan supaya data tidak bergantung pada satu jantina, sambil mengekalkan tiga ciri yang paling berkait dengan kestabilan variasi setempat, iaitu berusia lanjut, berasal dan menetap lama di kawasan luar bandar, serta mempunyai mobiliti geografi yang rendah.

Lima orang informan dipilih, terdiri daripada tiga lelaki dan dua wanita berumur antara 65 hingga 86 tahun. Kesemua informan merupakan penutur jati DK, tinggal di kawasan kajian, tidak pernah berhijrah keluar secara tetap dan mempunyai latar pekerjaan seperti petani, pembuat batik atau tidak bekerja. Dari segi pendidikan, kesemua informan mempunyai pengalaman pendidikan sehingga peringkat sekolah menengah. Dengan demikian, setiap informan memenuhi kriteria "older", "rural" dan "non-mobile", manakala komponen "males" telah disesuaikan secara sengaja bagi membolehkan penyertaan penutur wanita. Julat umur 65–86 tahun digunakan secara konsisten dalam keseluruhan manuskrip.

Prosedur Pengumpulan, Transkripsi dan Pemilihan Data

Instrumen utama kajian ialah pengkaji sendiri yang dibantu oleh panduan temu bual separa berstruktur. Soalan merangkumi latar belakang informan, aktiviti harian, sejarah kampung dan respons terhadap set gambar perbuatan yang digunakan sebagai rangsangan untuk mencetuskan ujaran yang mengandungi pelbagai jenis kata kerja. Temu bual dilakukan secara bersemuka di kediaman informan bagi mewujudkan interaksi yang lebih semula jadi. Sebelum rakaman dibuat, pengkaji menerangkan tujuan kajian dan mendapatkan keizinan lisan daripada informan. Rakaman audio dibuat menggunakan telefon pintar Samsung A55.

Setiap sesi temu bual berlangsung selama kira-kira satu jam bagi setiap informan. Dengan lima orang informan, jumlah keseluruhan rakaman audio yang diperoleh ialah lima jam.

Daripada keseluruhan rakaman lima jam tersebut, sebanyak sembilan ujaran yang mengandungi struktur frasa kerja sasaran dikenal pasti dan ditranskripsikan. Kesemua sembilan ujaran tersebut dianalisis; tiada ujaran sasaran yang dikecualikan daripada analisis. Data ditranskripsikan secara ortografik berdasarkan bentuk yang dituturkan dalam DK dan disertai padanan Bahasa Melayu Standard (BMS) serta terjemahan makna apabila diperlukan. Kesemua sembilan ujaran kemudian dikategorikan berdasarkan jenis predikat dan struktur argumen sebelum dianalisis secara deskriptif dan teoretikal.

Dalam analisis, sesuatu bentuk tidak dikategorikan sebagai objek hanya kerana hadir selepas kata kerja. Sebaliknya, pengkaji terlebih dahulu menentukan sama ada unsur tersebut merupakan argumen yang dipilih oleh kata kerja, dan seterusnya menilai fungsi sintaksisnya sebagai objek, komplemen arah/lokatif atau unsur lain. Langkah ini penting khususnya untuk membezakan struktur transitif daripada kata kerja gerak yang mengambil komplemen lokasi atau arah.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

Kesahan Transkripsi dan Pengelasan

Pada peringkat semakan akhir, ketepatan transkripsi disahkan melalui pendengaran semula rakaman audio sekurang-kurangnya dua kali bagi setiap ujaran dan perbandingan langsung antara rakaman dengan transkripsi. Kesemua sembilan ujaran diperiksa satu demi satu bagi memastikan bentuk leksikal DK, sempadan ujaran dan padanan BMS direkodkan secara konsisten. Pengelasan kata kerja pula dibuat berasaskan struktur argumen, status argumen luaran atau dalaman, peranan teta dan diagnostik sintaktis yang relevan. Bagi mengurangkan bias pengelasan, pengelasan awal oleh pengkaji utama disemak oleh seorang pengkaji bersama yang mempunyai latar belakang dalam bidang sintaksis. Sebarang perbezaan pengelasan diteliti semula dengan merujuk rakaman, konteks ujaran dan kriteria analisis sehingga persetujuan dicapai.


Prosedur Analisis Program Minimalis

Analisis teoretikal menggunakan Program Minimalis Chomsky (1995) dengan rujukan kepada huraian sintaksis minimalis oleh Adger (2003). Prosedur analisis dilaksanakan secara bertahap: (i) data ditranskripsikan; (ii) kata kerja utama dikenal pasti; (iii) bilangan dan jenis argumen ditentukan; (iv) peranan teta setiap argumen dikenal pasti; (v) fitur leksikal yang relevan ditentukan; (vi) operasi Gabung (Merge), Keserasian (Agree) dan pergerakan dianalisis; dan (vii) representasi rajah pohon dibina. Urutan ini memastikan rajah pohon merupakan hasil daripada pengelasan data dan struktur argumen, bukannya titik mula analisis.

Secara asas, Program Minimalis mengandaikan bahawa item leksikal dipilih daripada leksikon untuk membentuk numerasi, kemudian memasuki sistem komputasi sebelum struktur dihantar kepada aras antara muka Bentuk Fonetik (BF) dan Bentuk Logik (BL). Dalam kajian ini, perhatian diberikan kepada hubungan antara kepala kata kerja, argumen dalaman dan luaran, fitur kala, EPP serta pergerakan unsur namaan ke posisi subjek.

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04



RAJAH 1. Representasi ringkas aliran derivasi dalam Program Minimalis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dibincangkan berdasarkan empat kategori utama frasa kerja. Sebelum pengelasan dibuat, perbezaan antara "argumen" dengan "objek" perlu ditegaskan. Argumen ialah unsur yang berkaitan dengan keperluan leksikal atau struktur sesuatu predikat, manakala objek ialah fungsi sintaksis tertentu yang lazimnya direalisasikan sebagai frasa nama selepas kata kerja transitif. Oleh itu, sesuatu argumen tidak semestinya objek; kata kerja boleh memilih argumen lokasi, arah, tema atau penerima yang direalisasikan melalui struktur yang berbeza (Adger, 2003).

Frasa Kerja Transitif

Frasa kerja transitif (FKtr) dalam kajian ini merujuk kepada binaan yang mengandungi kata kerja yang memilih argumen dalaman berfungsi sebagai objek langsung. Dalam BMS, kata kerja transitif lazimnya memerlukan objek untuk melengkapkan struktur predikat (Nik Safiah Karim et al., 2008). Data DK yang jelas memperlihatkan sifat tersebut ialah:

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

(1) **Dio pero lembu**
Dia pelihara lembu
"Dia memelihara lembu."

(2) **Tok wak padi mulo**
Atuk buat padi dahulu
"Atuk membuat padi dahulu."

(3) **Oghe cari kito**
Orang cari kita
"Orang mencari kita."

Dalam data (1) – (3), pero "pelihara", wak "buat" dan cari "cari" masing-masing mengambil frasa nama selepas kata kerja yang berfungsi sebagai argumen dalaman. Lembu dan kito berfungsi sebagai tema/penderita yang berkait secara langsung dengan predikat, manakala padi ialah tema kepada wak. Pengguguran awalan meN- pada bentuk pero dan cari menunjukkan perbezaan morfologi permukaan daripada BMS, tetapi tidak mengubah keperluan struktur argumen kata kerja tersebut. Dengan itu, pengelasan transitif dibuat berdasarkan hubungan kata kerja dengan objek langsung, bukan semata-mata kerana terdapat unsur selepas kata kerja.

Kata Kerja Gerak dengan Komplemen Arah/Lokatif

(4) **Oghe gi keda**
Orang pergi kedai
"Orang pergi ke kedai."

Data (4) tidak lagi dikategorikan sebagai frasa kerja transitif. Kata kerja gi "pergi" ialah kata kerja gerak tak transitif, manakala keda "kedai" menandakan matlamat atau lokasi pergerakan. Dalam BMS, hubungan arah tersebut lazimnya direalisasikan melalui frasa preposisi ke kedai. Dalam DK, data ini menunjukkan bahawa preposisi ke tidak direalisasikan secara nyata pada permukaan. Oleh itu, keda lebih tepat dianalisis sebagai komplemen arah/lokatif atau argumen matlamat, bukannya objek langsung yang setara dengan lembu dalam pero lembu. Data yang ada belum mencukupi untuk menentukan sama ada fenomena tersebut harus dianalisis sebagai preposisi kosong atau sebagai sifat leksikal kata kerja gi; isu itu memerlukan data diagnostik tambahan.

Frasa Kerja Tak Transitif Tak Ergatif

Kata kerja tak ergatif tidak mengambil objek dalaman dan memperkenalkan satu argumen luaran. Dalam data kajian ini, penentuan tak ergatif dibuat berdasarkan kedudukan argumen luaran, manakala label peranan semantik digunakan secara berhati-hati. Contohnya:

(5) **Budok tu hungga**
Budak itu lari
"Budak itu berlari."

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

(6) **Oghe tuo ngila**
Orang tua ketawa
"Orang tua ketawa."

Dalam data (5), FD budok tu ialah argumen luaran yang menjalankan peranan aktor/agen bagi hungga "berlari". Dalam data (6), Oghe tuo juga dianalisis sebagai argumen luaran kepada ngila "ketawa". Walaupun tafsiran semantik ngila boleh mengandungi unsur pengalami, ciri yang menentukan analisis tak ergatif di sini ialah bahawa argumen tunggalnya diperkenalkan sebagai argumen luaran dan bukannya berasal sebagai komplemen dalaman kata kerja. Dengan demikian, kriteria sintaksis dan semantik digunakan secara konsisten dan tidak bergantung pada label "agen" semata-mata.

Frasa Kerja Tak Transitif Tak Akusatif

Kata kerja tak akusatif berbeza daripada kata kerja tak ergatif kerana tidak memperkenalkan argumen luaran. Argumen tunggalnya, lazimnya bertema atau mengalami perubahan keadaan, berasal sebagai argumen dalaman pada posisi komplemen sebelum bergerak ke posisi subjek. Analisis ini selaras dengan huraian umum tentang struktur tak akusatif (Levin & Rappaport Hovav, 1995). Data DK yang dianalisis ialah:

(7) **Gelas tu pecoh**
Gelas itu pecah
"Gelas itu pecah."

(8) **Daun luruh**
Daun luruh
"Daun itu luruh."

Dalam data (7) dan (8), gelas tu dan daun masing-masing membawa peranan teta Tema. Kedua-duanya bukan argumen luaran yang melakukan perbuatan; sebaliknya, kedua-duanya ialah entiti yang mengalami perubahan keadaan yang dinyatakan oleh pecoh "pecah" dan luruh "luruh". Oleh sebab itu, penerangan yang sebelumnya menyatakan bahawa kata kerja tak akusatif "menerima argumen luaran selain agen" digugurkan. Analisis yang konsisten ialah bahawa argumen tema berasal dalam domain FK sebagai argumen dalaman dan bergerak ke posisi subjek bagi memenuhi keperluan sintaksis yang berkaitan dengan EPP dan kasus.

Sebagai sokongan diagnostik, data ini juga boleh dibandingkan dengan alternasi kausatif: Gelas tu pecoh → Ahmad memecahkan gelas itu dan Daun luruh → Angin meluruhkan daun. Dalam pasangan kausatif, gelas dan daun kekal sebagai Tema walaupun muncul sebagai objek kepada predikat kausatif. Alternasi sedemikian sering digunakan untuk menunjukkan hubungan antara predikat perubahan keadaan dengan argumen tema dalaman (Levin & Rappaport Hovav, 1995). Namun demikian, ujian kausatif dalam kajian ini dianggap sebagai bukti sokongan dan bukan satu-satunya penentu status tak akusatif; keputusan pengelasan tetap bergantung pada gabungan struktur argumen dan peranan semantik.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04

Frasa Kerja Dwitransitif

Kata kerja dwitransitif melibatkan tiga argumen, iaitu satu argumen luaran dan dua argumen dalaman. Data kajian ialah:

(9) **Tuhe wi rezeki kito**
Tuhan beri rezeki kita
"Tuhan memberikan rezeki kepada kita."

Dalam data (9), Tuhe "Tuhan" ialah argumen luaran dengan peranan Agen/Sumber. Kata kerja wi "beri" memilih dua argumen dalaman: rezeki sebagai Tema dan kito "kita" sebagai Penerima. Status kito sebagai penerima tidak ditentukan kerana kedudukannya "lebih jauh" daripada kata kerja, tetapi berdasarkan struktur argumen dan hubungan semantik yang dinyatakan oleh predikat pemberian. Parafrasa BMS "Tuhan memberikan rezeki kepada kita" memperlihatkan dengan jelas peranan Penerima melalui preposisi kepada. DK dalam data ini merealisasikan hubungan tersebut tanpa preposisi yang nyata dalam susunan wi rezeki kito. Dengan itu, analisis dwitransitif perlu membezakan fungsi sintaksis dan peranan semantik, bukannya bergantung pada jarak linear daripada kata kerja.

ANALISIS KERANGKA PROGRAM MINIMALIS


Bahagian ini membina representasi formal bagi empat kategori utama berdasarkan pengelasan yang telah diperjelas. Rajah 2–5 telah diformatkan semula supaya label fitur dan hubungan antara nodus dapat dibaca dengan jelas. Data gi keda tidak dimasukkan dalam rajah transitif kerana bentuk tersebut telah dianalisis sebagai kata kerja gerak tak transitif dengan komplemen arah/lokatif.

Struktur Frasa Kerja Transitif

Rajah 2 menganalisis data (1) Dio pero lembu. Pada aras FK, pero memilih lembu sebagai argumen dalaman. Kata kerja kemudiannya bergerak ke kepala k, manakala argumen luaran Dio diperkenalkan pada spesifier Fk. Nodus Kala membawa nilai [kini] dan fitur EPP [uN*], yang memicu pergerakan Dio ke spesifier Fkala. Hubungan Keserasian (Agree) menilai fitur kala yang belum berinterpretasi pada kepala k.

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04




RAJAH 2. Struktur FK transitif bagi data (1) “Dio pero lembu”.

Dari sudut linguistik, analisis ini menunjukkan bahawa pengguguran awalan meN- pada bentuk permukaan DK tidak menghapuskan struktur argumen transitif. Pero tetap memilih argumen tema lembu dan memerlukan argumen luaran Dio. Perbezaan DK dengan BMS dalam data ini terletak pada realisasi morfologi kata kerja, bukan pada kehilangan objek. Berbanding kajian terdahulu yang banyak menumpukan kata bantu atau dialek lain, data ini memperluas penerapan Program Minimalis kepada pemetaan langsung antara morfologi permukaan DK dengan struktur argumen transitif.

Struktur Frasa Kerja Tak Transitif Tak Ergatif

Rajah 3 menganalisis data (5) Budok tu hungga. Kata kerja hungga tidak memilih komplemen objek dalam FK. Argumen Budok tu diperkenalkan sebagai argumen luaran pada spesifier Fk sebelum bergerak ke spesifier Fkala untuk memenuhi EPP. Pergerakan kata kerja ke kepala k dan penilaian fitur kala berlaku sebagaimana dalam struktur transitif, tetapi konfigurasi argumennya berbeza kerana tiada argumen dalaman selepas kata kerja.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04




RAJAH 3. Struktur FK tak transitif tak ergatif bagi data (5) “Budok tu hungga”.

Perbandingan dengan struktur transitif memperlihatkan bahawa perbezaan utama bukan pada susunan subjek–kata kerja di permukaan, tetapi pada jumlah dan lokasi asal argumen. Dalam kedua-dua struktur, subjek berakhir pada posisi Fkala; namun dalam tak ergatif, subjek berasal sebagai argumen luaran dan tiada objek dalaman yang dipilih oleh kata kerja. Data DK dengan demikian menyokong keperluan membezakan struktur argumen di bawah susunan permukaan yang kelihatan serupa.

Struktur Frasa Kerja Tak Transitif Tak Akusatif

Rajah 4 menganalisis data (7) Gelas tu pecoh. Berbeza daripada tak ergatif, pecoh memilih FD Gelas tu sebagai argumen dalaman pada posisi komplemen FK dan tidak memperkenalkan argumen luaran. Selepas kata kerja bergerak ke kepala k dan fitur kala dinilai, fitur EPP pada Kala memicu pergerakan Gelas tu terus daripada posisi dalaman ke spesifier Fkala. Pergerakan tersebut menghasilkan susunan permukaan subjek–kata kerja walaupun subjek permukaan bukan argumen luaran.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04




RAJAH 4. Struktur FK tak transitif tak akusatif bagi data (7) “Gelas tu pecoh”.

Perbezaan ini merupakan penemuan teoretikal yang penting dalam kajian kerana ia menghalang penyamaan semua subjek permukaan sebagai argumen luaran. Budok tu dalam hungga berasal di luar FK, manakala Gelas tu dalam pecoh berasal sebagai argumen dalaman. Program Minimalis membolehkan kedua-dua ayat mempunyai susunan permukaan yang sama tetapi derivasi yang berbeza. Hal ini juga menyelesaikan percanggahan antara definisi tak akusatif dengan rajah yang terdapat dalam versi manuskrip terdahulu.

Struktur Frasa Kerja Dwitransitif

Rajah 5 menganalisis data (9) Tuhe wi rezeki kito. Kata kerja wi berkait dengan dua argumen dalaman: rezeki sebagai Tema dan kito sebagai Penerima. Argumen luaran Tuhe diperkenalkan pada spesifier Fk. Seterusnya, kata kerja bergerak ke kepala k, fitur kala dinilai melalui Keserasian, dan Tuhe bergerak ke spesifier Fkala untuk memenuhi EPP dan keperluan kasus.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.04



RAJAH 5. Struktur FK dwitransitif bagi data (9) “Tuhe wi rezeki kito”.

Analisis ini menunjukkan bahawa susunan linear wi rezeki kito perlu dihuraikan melalui hubungan struktur dan peranan semantik. Rezeki ialah Tema, manakala kito ialah Penerima, sebagaimana diperjelas oleh parafrasa BMS dengan kepada. Ciri DK yang menarik ialah penerima dapat direalisasikan tanpa preposisi yang nyata dalam data ini. Dari sudut Program Minimalis, fakta tersebut tidak menghapuskan perbezaan dua argumen dalaman; sebaliknya, ia menuntut representasi yang membezakan kedudukan dan peranan kedua-duanya.

KESIMPULAN

Dari segi penemuan empirikal, kajian ini mengenal pasti empat pola utama frasa kerja dalam data DK, iaitu transitif, tak transitif tak ergatif, tak transitif tak akusatif dan dwitransitif. Data transitif memperlihatkan pengguguran awalan meN- pada beberapa kata kerja, manakala data gi keda menunjukkan bahawa unsur selepas kata kerja gerak tidak harus terus dianggap sebagai objek; keda lebih tepat dianalisis sebagai komplemen

arah/lokatif dengan preposisi ke yang tidak direalisasikan secara nyata. Analisis dwitransitif pula menunjukkan pembezaan antara Tema dan Penerima berdasarkan struktur argumen dan peranan semantik, bukan jarak linear daripada kata kerja.

Dari segi penemuan teoretikal, perbezaan antara tak ergatif dan tak akusatif dapat dihuraikan dengan lebih konsisten melalui kedudukan asal argumen. Argumen tak ergatif diperkenalkan sebagai argumen luaran, sedangkan argumen tema tak akusatif berasal sebagai argumen dalaman dan bergerak ke posisi subjek. Operasi Gabung, Keserasian dan pergerakan dalam Program Minimalis membolehkan perbezaan derivasi tersebut direpresentasikan walaupun beberapa ayat mempunyai susunan permukaan yang serupa.

Sumbangan kajian ini terletak pada penggabungan data primer DK dengan analisis formal terhadap beberapa jenis struktur argumen dalam satu kajian. Sumbangan tersebut wajar difahami sebagai usaha memperkaya dokumentasi sintaksis DK dan menyediakan asas perbandingan bagi kajian dialek Melayu yang lain, bukannya sebagai usaha yang secara langsung dapat menghalang kepupusan dialek. Kajian ini masih terbatas oleh jumlah informan yang kecil, tumpuan pada satu lokasi, kemungkinan paradoks pemerhati dan jumlah diagnostik sintaksis yang terhad. Kajian seterusnya boleh memperluas sampel, membandingkan subdialek Kelantan serta menguji komplemen arah dan struktur dwitransitif melalui lebih banyak diagnostik sintaksis.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis dialek Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adger, D. 2003. *Core syntax: A minimalist approach*. Oxford University Press.

Azizah Hamzah. 2010. *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Penerbit Universiti Malaya.

Azrizan Abu Bakar, & Karim Harun. 2019. Kata-kata eksklusif dialek Kelantan dalam komunikasi kumpulan WhatsApp. *Akademika,* 89(1), 15–28.

Chambers, J. K., & Trudgill, P. 1990. *Dialectology* (2nd ed.). Cambridge University Press.

Chomsky, N. 1995. *The minimalist program*. MIT Press.

Creswell, J. W. 2014. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.

Doratya Gerry, Harishon Radzi, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2024. Susunan perkataan berdasarkan cerita rakyat masyarakat Iban: Analisis Program Minimalis. *GEMA Online Journal of Language Studies, 24*(3), 34–50.

El Haddari, Y., & Kably, H. 2025. The syntax of unaccusative verbs in Moroccan Arabic: A minimalist approach. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation, 8*(11), 142–159.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurul Afiqah Mohamad. 2021. Analisis kata kerja bantu dalam Dialek Melayu Terengganu menggunakan Program Minimalis. *Jurnal Linguistik, 25*(2), 1–19.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Sarah Nur Najwa Mohd Nasir. 2020. Kata kerja bantu Dialek Kelantan: Analisis kerangka Program Minimalis. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 8*(2), 1–15.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Siti Amanina Sahira Saidi. 2021. Kajian frasa kerja bahasa Bajau Darat di Pantai Barat dan Bajau Laut di Sabah: Analisis kerangka Minimalis. *Jurnal Bahasa, 21*(2), 163–192.

Freidin, R. (2021). The strong minimalist thesis. *Philosophies,* 6(4), 97.

Levin, B., & Rappaport Hovav, M. 1995. *Unaccusativity: At the syntax-lexical semantics interface*. MIT Press.

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. 2016. *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurul Ain Alizuddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Siti Noraini Hamzah. 2024. Kajian tinjauan literatur sistematik (SLR) berkaitan dialek Melayu menggunakan pendekatan Program Minimalis. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities,* 21(2), 214–224.

Nurul Ain Alizuddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Siti Noraini Hamzah. 2025. Kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif dalam Dialek Perak Tengah: Analisis pendekatan Program Minimalis. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 33(3), 949–972.

Nurul Aini Abd Rahman, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2018. Kata kerja dalam Dialek Perlis. *Jurnal Wacana Sarjana,* 2(4), 1–15.

Nurul Hana Mohamad Ali, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2024. Kata kerja bahasa Jakun: Analisis kerangka Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana,* 8(5), 1–16.

Nweya, G. O., & Ejinwa, S. O. 2024. A minimalist analysis of serial verbal construction in Igbo. *Academic Journals Online,* 17(1), 81–95.

Syafika Atika Othman, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2019. Frasa kerja dalam Dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana,* 3(1), 1–14.

Ullah, I., & Bukhari, N. H. 2023. The syntax of light verbs in Pashto: A minimalist approach. *Pakistan Languages and Humanities Review, 7*(1), 640–654.

Varaschin, G., & Culicover, P. W. 2024. Flat structure: A minimalist program for syntax. *The Linguistic Review*, 41(3), 543–606.

Biodata Penulis:

Ahmad Ali Hamdi Bin Mohamad ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Linguistik), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan ialah Profesor di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang sintaksis Austronesia dan Austroasiatik.